



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	19/4/2019	MUKA SURAT	:	33
JABATAN	:	KATS / BMG / JMG / JKPTG / BAUKSIT			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

SOP bauksit perlu persetujuan negeri, Pusat

AKTIVITI perlombongan dan peng-eksportan bauksit akan dibenarkan beroperasi selepas draf Prosedur Operasi Standard (SOP) oleh Kementerian Air, Tanah, dan Sumber Asli dipersetujui kerajaan negeri dan kerajaan Persekutuan.

Exco Pertanian, Industri Asas Tani, Peladangan dan Bioteknologi, Datuk Seri Mohd Sharkar Shamsudin berkata, SOP yang didrafkan itu perlu memenuhi kehendak kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri, sebelum aktiviti pengeluaran bauksit dilaksanakan.

"Pada pendengaran awam 14 April lalu, satu laporan oleh Jawatankuasa Eksekutif Penilaian Pemakaian SOP bagi perlombongan bauksit di negeri ini dibuat sebelum dibentangkan semula kepada pihak berkuasa negeri," katanya menjawab soalan **Datuk Md**

Sohaimi Mohamed Shah (BN-Sungai Lembing) yang mahukan pencerahan mengenai isu bauksit dan bila kerajaan negeri dapat memulakan serta mengeluarkan keseluruhan *stock file bauksite* bagi mewakili Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail.

Sebelum itu, Mohd Sharkar berkata, pada 18 Februari lalu, Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli telah mengeluarkan bahawa moratorium bauksit tidak disambung dan tamat 31 Mac lalu.

Katanya, SOP baharu bagi aktiviti yang disediakan meliputi aspek perlombongan sehingga pengeksportan dipersetujui jemaah Menteri.

"Satu sesi taklimat bersama *stakeholders* akan diadakan bagi memastikan semua pihak yang terlibat bersedia," katanya.